

HINO MOTORS SALES (MALAYSIA) SDN BHD (198901010561)

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

HINO MOTORS SALES (MALAYSIA) SDN BHD ("HMSM") menghormati dan komited untuk melindungi Data Peribadi dan privasi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi ("**Notis**") dikeluarkan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta PDP") untuk HMSM untuk mengumpul, memproses dan menggunakan Data Peribadi anda. Untuk Tujuan notis ini, Data Peribadi hendaklah mempunyai maksud seperti yang ditetapkan di bawah Akta PDP. Melainkan dinyatakan sebaliknya, istilah yang digunakan di sini mempunyai maksud yang sama seperti yang ditetapkan di bawah Akta PDP.

Jenis Data Peribadi

Data Peribadi anda mungkin termasuk nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, alamat surat-menyurat, nombor akaun bank, butiran kad kredit atau debit dan/atau sebarang maklumat lain yang berkaitan yang ditetapkan di bawah Akta PDP ("**Data Peribadi**")

Perolehan Data Peribadi

HMSM boleh mengumpul Data Peribadi secara terus dan/atau secara tidak langsung daripada pelanggan, peniaga dan/atau pembekal, daripada mana-mana pihak ketiga, laman web, syarikat dan/atau mana-mana sumber awam setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan perlu untuk Tujuan perniagaan HMSM.

Tujuan Pengumpulan, Pemproses dan Penggunaan

Semasa anda berurusan dengan kami, Data Peribadi anda akan dikumpul dan diproses oleh HMSM bagi Tujuan menyediakan anda maklumat mengenai produk HMSM dan/atau perkhidmatan, menyediakan perkhidmatan HMSM, memudahkan pembelian produk HMSM anda, memberikan anda maklumat peribadi produk baru seperti yang diminta oleh pembeli baru, untuk menjalankan kewajipan dan/atau transaksi yang anda minta, dipersetujui dan/atau dibenarkan and untuk HMSM berbuat demikian, untuk meminta maklumat tambahan mengenai maklum balas yang anda boleh berikan tentang produk dan/atau perkhidmatan HMSM yang digunakan oleh anda, untuk mendapatkan maklum balas berhubung dengan produk dan/atau perkhidmatan HMSM, untuk memberikan anda notis awal tentang acara HMSM untuk anda menyertai acara dan/atau program HMSM, untuk memaklumkan kepada anda tentang produk dan/atau perkhidmatan HMSM yang terkini dan/atau Tujuan lain yang dirujuk dalam Polisi Perlindungan Data Peribadi HMSM ("Tujuan"). HMSM tidak akan menggunakan Data Peribadi anda di luar Tujuan yang dibenarkan di bawah mana-mana perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Data Sensitif

HMSM tidak akan memperoleh, menggunakan atau mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga mengenai apa-apa Data Peribadi sensitif termasuk maklumat mengenai penggabungan politik, keadaan perubatan, kumpulan etnik, agama atau apa-apa Data Peribadi sensitif yang lain seperti yang ditetapkan dibawah Akta PDP dari semasa ke semasa selain setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Pendedahan Data Peribadi

Data Peribadi anda yang diberikan kepada HMSM akan dirahsiakan secara umum kecuali kepada pihak-pihak yang berikut untuk transaksi perniagaan yang lancar dengan HMSM:-

1. Mana-mana orang yang HMSM dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang atau sebagai respons kepada agensi kompeten atau kerajaan;
2. Hino Motors Ltd, Kumpulan Syarikat Hino di luar negara dan affiliate dan/atau mana-mana subsidiari lain yang ditubuhkan pada masa hadapan;
3. Penganjur Sah HMSM dan/atau Pusat Servis Sah yang dilantik;
4. Pembekal yang dilantik HMSM;
5. Ejen dan penyedia perkhidmatan yang dilantik HMSM dan terlibat untuk membantu produk dan perkhidmatan HMSM di mana mereka terikat untuk melindungi Data Peribadi anda di dalamnya;
6. Juruaudit, perunding, akauntan, peguam atau penasihat kewangan atau professional HMSM;

7. Mana-mana orang yang ditentukan perlu dan berjanji untuk menyimpan Data Peribadi anda
8. Mana-mana pihak lain yang anda telah bersetuju untuk pendedahan dan mana-mana pihak ketiga yang ditetapkan dalam Polisi Perlindungan Data Peribadi HMSM, yang mungkin terletak di Malaysia dan/atau di luar Malaysia, atas sebab yang berkaitan dengan Tujuan yang dinyatakan.

Pemindahan dan Perkongsian Data Peribadi

HMSM boleh memindahkan dan berkongsi Data Peribadi anda di luar Malaysia untuk Tujuan penyimpanan dan pemprosesan data dan apabila ditentukan perlu untuk pemindahan dan perkongsian Data Peribadi anda untuk Tujuan yang dinyatakan.

Pengurusan Data Peribadi

HMSM komited untuk mengekalkan dan menyimpan Data Peribadi anda dengan cara yang selamat dan wajar. HMSM komited untuk mencegah pemprosesan Data Peribadi anda yang tidak dibenarkan atau tidak sah, kehilangan atau kemusnahan akibat kemalangan, atau kerosakan, pemalsuan atau kebocoran Data Peribadi anda dengan melaksanakan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang sesuai dan praktikal.

Simpanan Data Peribadi

Data Peribadi anda akan disimpan oleh HMSM selagi Data Peribadi tersebut ditentukan perlu untuk HMSM melaksanakan Tujuan yang dinyatakan dengan perse Tujuan anda. Data Peribadi anda akan dilupuskan dengan cara yang wajar apabila tiada keperluan untuk HMSM mengumpul, memproses dan menggunakan Data Peribadi anda.

Hak Anda untuk Akses Dan Pembetulan

Adalah perlu bagi HMSM untuk memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan yang dinyatakan, tanpanya kami tidak akan dapat menjalankan Tujuan yang dinyatakan. Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, sila rujuk kepada Polisi Perlindungan Data Peribadi HMSM di <https://www.hino.com.my>. Anda boleh meminta akses atau pembetulan Data Peribadi anda atau mengehadakan pemprosesan di dalamnya pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan bertulis tersebut kepada HMSM: -

Pegawai untuk dihubungi : SYAKIRAH ELIZA SEE BINTI ABDULLAH
No. Tel. : 03-7957 5199 (ext 189)
No. Faks. : 03-7955 2235
Emel : syakirah@hino.com.my

Sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan Data Peribadi anda juga hendaklah disalurkan kepada HMSM dengan cara ini.

Persetujuan

Dengan menghantar Data Peribadi anda kepada HMSM, anda dengan ini memberi persetujuan untuk HMSM mengumpul, memproses, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi anda mengikut Notis ini. Anda dengan ini mengesahkan bahawa Data Peribadi anda yang diberikan kepada HMSM adalah tepat, lengkap dan paling terkini. Sekiranya berlaku sebarang perubahan, anda hendaklah dengan segera mengemas kini dan memaklumkan HMSM tentang perubahan tersebut pada Data Peribadi anda. Anda juga menjamin bahawa persetujuan pihak ketiga telah diperolehi untuk Data Peribadi pihak ketiga yang anda berikan kepada HMSM untuk membolehkan HMSM memproses perkara yang sama berkaitan dengan Tujuan yang dinyatakan.

Hak HMSM untuk Meminda

HMSM berhak untuk mengemaskini dan meminda Polisi Perlindungan Data Peribadi HMSM dan Notis ini dari semasa ke semasa. Pindaan tersebut akan diumumkan kepada anda melalui laman web kami dan/atau mana-mana medium lain yang sesuai. Pindaan tersebut hanya akan dikenakan ke atas Data Peribadi yang dikumpul selepas tarikh kuatkuasa Polisi Perlindungan Data Peribadi HMSM dan Notis yang telah disemak semula.

Bahasa

Notis ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia mengikut Seksyen 7(3) Akta PDP. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.